

ZAKAT PERTANIAN DALAM KONTEKS MALAYSIA SATU KAJIAN DAN PENILAIAN SEMULA

Mohd Rifqi Myibbin
Siti Zainab Hassan
Kamarul Azmi Jasmi
Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Myibbin, M. R., Hassan, S. Z., Jasmi, K. A., & Md Saleh @ Masrom, S. F. (2004). Zakat Pertanian dalam Konteks Malaysia Satu Kajian dan Penilaian Semula in *International Seminar on Islamic Thoughts* at Bangunan Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia, on 7-9 December 2004, pp 1-9.

Abstrak

Zakat Pertanian merupakan satu kewajipan yang telah disepakati oleh para fuqaha'. Namun, mereka berbeza pendapat dari aspek jenis tanaman yang wajib dizakatkan serta prosedur pelaksanaannya. Pengamalan di Malaysia pula hanya menumpukan kepada zakat padi sahaja sebagai zakat wajib dan tidak kepada hasil pertanian lain yang lebih lumayan pendapatannya. Kertas kerja ini cuba melihat kewajipan zakat dipungut daripada pengusaha tanaman komersial serta mengutarakan kaedah pengiraan zakat tanaman moden yang praktikal untuk diaplikasikan mengikut kesesuaian semasa di Malaysia.

ZAKAT PERTANIAN DALAM KONTEKS MALAYSIA SATU KAJIAN DAN PENILAIAN SEMULA*

Mohd Rifqi Myibbin
Siti Zainab Hassan
Kamarul Azmi Jasmi
Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom

Abstrak

Zakat Pertanian merupakan satu kewajipan yang telah disepakati oleh para fuqaha'. Namun, mereka berbeza pendapat dari aspek jenis tanaman yang wajib dizakatkan serta prosedur pelaksanaannya. Pengamalan di Malaysia pula hanya menumpukan kepada zakat padi sahaja sebagai zakat wajib dan tidak kepada hasil pertanian lain yang lebih lumayan pendapatannya. Kertas kerja ini cuba melihat kewajipan zakat dipungut daripada pengusaha tanaman komersial serta mengutarakan kaedah pengiraan zakat tanaman moden yang praktikal untuk diaplikasikan mengikut kesesuaian semasa di Malaysia.

PENDAHULUAN

Realiti pertanian yang wujud di Malaysia hari ini menunjukkan kemajuan pesat dan pertumbuhan positif. Hasilnya, pelbagai jenis tanaman berdaya maju yang diusahakan memberi pulangan yang menguntungkan bahkan menjadi sumber kekayaan kepada para petani di Malaysia. Justeru, terdapat peruntukan syarak terhadap golongan ini iaitu amalan berzakat. Namun, realiti amalan berzakat di Malaysia pada umumnya, terhad kepada tanaman tertentu sahaja. Sebagai contoh kebanyakan pihak-pihak berwajib di negeri-negeri hanya memungut zakat ke atas tanaman padi sahaja. Selain itu, kaedah pelaksanaan dan pemungutan juga berbeza di antara negeri-negeri tersebut. Ketidakselarasan ini disebabkan oleh perbezaan kefahaman terhadap amalan berzakat yang akan menjadi subjek perbincangan utama pengkaji dalam kertas kerja ini. Pengkaji juga akan membincangkan permasalahan ini dengan menjurus ke arah menilai semula hukum sehingga menghasilkan satu kesimpulan yang paling sesuai diimplementasikan dalam masyarakat di Malaysia.

HASIL-HASIL PERTANIAN YANG DIWAJIBKAN ZAKAT

Para fuqaha' berbeza pendapat dalam menentukan jenis-jenis pertanian yang diwajibkan zakat. Di sini, pengkaji menyenaraikan pendapat ulama fekah beserta sandaran-sandaran mereka terhadap pendapat masing-masing:

- (1) Pendapat Pertama: Pendapat Ibn Umar dan beberapa ulama salaf seperti Musa, Ibn Talhah, Hasan al-Basri, Ibn Sirin, al-Syabi, al-Hasan Ibn Salih, Ibn Abi Laila, Ibn al-Mubarak dan Abu 'Ubaid. Mereka berpendapat (al-Qaradawi, 1997/1), zakat wajib dan terhad ke atas empat jenis tanaman sahaja yang terdiri daripada bijirin dan buah-

* Kertas kerja ini dibentangkan di International Seminar On Islamic Thoughts pada 7-9 December 2004, di Bangunan Pentadbiran UKM anjuran Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia

buah. Pada pendapat mereka, empat hasil tanaman yang dimaksudkan ialah gandum, barli, kurma dan anggur. Pendapat mereka adalah disandarkan kepada zahir hadis Amru Ibn Syuaib yang mengandungi arahan Rasulullah agar zakat dipungut dan empat jenis tanaman tersebut sahaja.

- (2) Pendapat Kedua: Pendapat Imam Malik dan Imam al-Syafii Mereka berpendapat zakat adalah wajib atas makanan asasi yang dapat disimpan lama.

Justeru, tanaman yang memenuhi kriteria ini adalah makanan asasi bagi sesuatu kaum yang berpotensi untuk disimpan lama adalah dikenakan zakat. Jenis-jenis tanaman ini dijelaskan oleh Imam Malik dalam kitabnya *al-Muwatta'* (al-Zarqani, 2002: 158-168/2; al-Kandahlawi, 1999: 71-85/6).

Makanan asasi bolehlah dikatakan sebagai makanan yang memberi kenyang kepada sesuatu kaum secara adatnya (uruf). Antara contoh tanaman yang menjadi makanan asasi ialah padi, gandum, barli dan jagung. Secara amnya di Malaysia, padi atau beras menjadi makanan utama sejak dahulu lagi.

Menurut Imam Malik dan Imam al-Syafii (Wahbah al-Zuhayli, 1989: 806/2), zakat tidak dikenakan pada buah-buahan kecuali kurma dan anggur, malah zakat juga tidak dikenakan atas bijirin kecuali yang menjadi makanan asasi.

- (3) Pendapat Ketiga: Pendapat Imam Ahmad Ibn Hanbal Pada pendapat beliau (Ibnu Qudamah al-Hambali, 1972: 3/3), zakat adalah wajib atas hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan disukat. Justeru, apa sahaja hasil pertanian yang memenuhi kriteria ini dikenakan zakat samada ianya bijirin atau buah-buahan. Beliau tidak mengambil kira samada hasil pertanian tersebut menjadi makanan asasi atau pun tidak. Walaupun begitu, beliau mengecualikan buah-buahan yang dimakan bukan untuk tujuan kenyang. Beliau juga mengecualikan sayur-sayuran kerana tidak memenuhi kriteria di atas.
- (4) Pendapat Keempat: Pendapat Imam Abu Hanifah tentang zakat tanaman. Zakat dikenakan atas semua jenis hasil tanaman samada diusahakan ataupun tumbuh sendiri selagi mana ia bermanfaat kepada manusia, tanpa mengira jumlah tanaman tersebut banyak atau sedikit. Dengan kata lain, beliau tidak meletakkan nisab yang cukup sebagai syarat kewajipan berzakat. Namun, beliau mengecualikan ganja, kayu api, rumput dan buluh kerana ia bukanlah sesuatu yang biasa ditanam (al-Qaradawi, 1997: 353-354/1). Makanan asasi, boleh disimpan lama dan boleh disukat tidak menjadi syarat dalam berzakat. Pendapat ini juga dipegang oleh Ibrahim al-Nakha 'Umar Ibn Abdul Aziz dan Hammad Ibn Abi Sulaiman. Pendapat ini disandarkan kepada pengertian umum ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w (Abd Rahman Ibn Muhammad Husin, 1952: 99).
- (5) Pendapat Kelima: Pendapat Yusof al-Qaradawi Beliau berpendapat zakat pertanian diwajibkan kepada semua jenis tanaman selagi ia mendatangkan kekayaan dengan syarat mencukupi nisab. Menurut beliau, zakat tanaman patut dikenakan kepada semua jenis tanaman supaya mencapai hikmah perundangan (al-Qaradawi, 1997: 353/1). Beliau selesa menerima pandangan Abu Hanifah dalam konteks mewajibkan keseluruhan tanaman, namun menolak pandangan beliau dari aspek ketiadaan syarat nisab.

ZAKAT PERTANIAN MENGIKUT REALITI MALAYSIA

Berasaskan realiti pertanian yang wujud di Malaysia yang mampu menghasilkan pendapatan yang tinggi, pengkaji bersetuju untuk menerima pandangan al-Qaradawi, iaitu mewajibkan zakat pertanian atas semua hasil tanaman yang boleh mendatangkan kekayaan. Di bawah ini disenaraikan asas-asas yang menyokong pendapat ini.

Zakat Adalah Khusus Kepada Golongan Kaya

Kenyataan zakat khusus kepada golongan kaya adalah bersandarkan kepada beberapa dalil daripada al-Quran dan hadis dengan penafsiran para ulama.

Dalil pertama iaitu firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 219 yang bererti: *“mereka bertanya kamu apa yang perlu dibelanjakan, katakanlah al-'afw (yang lebih).”* Ulama menafsirkan ayat ini dengan maksud, *“Belanjakanlah lebih daripada hartakamu.”* Pendapat ini juga merupakan pendapat Ibn 'Abbas, al-Hasan, Qatadah, 'Ata', al-Suddi, Ibn Abi Laila dan lainnya (al-Bukhari, 1388H: 4/3).

Dalil kedua pula berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Muaz Ibn Jabal yang bererti: *“Zakat diambil dari golongan kaya, kemudian dikembalikan kepada golongan miskin.”* (al-Bukhari, 1388H: 4). Ulama fekah Hanafiah menyatakan hadis ini menunjukkan bahawa, zakat adalah khusus kepada golongan kaya yang memiliki nisab serta mempunyai lebih daripada keperluan dirinya dan keluarganya (al-Sa'ati, Ahmad Abd Rahman alBanna, 1356H: 103/9).

Dalil ketiga juga daripada hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bererti: *“Tidak ada sedekah kecuali ke atas golongan kaya.”* (al-'Aini, t.t.: 293/7) Hadis ini menjelaskan pengkhususan terhadap golongan kaya sahaja untuk berzakat. Al-Khattabi (al-'Aini, t.t.: 294/7) menjelaskan lagi bahawa sedekah terbaik ialah yang dikeluarkan oleh seseorang dari hartanya selepas menjelaskan keperluan dirinya dan keluarganya sekadar yang cukup.

Dalil keempat pula merupakan athar sahabat iaitu tindakan yang diambil oleh Umar al-Khattab supaya zakat dikeluarkan kepada selain yang diwajibkan daripada nas al-Quran dan hadis. Diriwayatkan bahawa semasa pemerintahan Umar al-Khattab, baginda mengeluarkan arahan supaya mengambil zakat daripada pemilik-pemilik kuda yang ada, nilai komersial (al-Sa'ati, Ahmad Abd Rahman al-Banna, 1356H: 234-235/8). Tindakan ini pada zahimya bercanggah dengan nas hadis Rasulullah s.a.w yang mengecualikan kuda daripada zakat. Sabda baginda yang bererti: *“Tidak wajib ke atas seorang Islam mengeluarkan zakat hamba dan kuda.”* (al-Nawawi, 1997: 58/7). Mengulas tindakan ini, Qutb Ibrahim Muhammad menyatakan bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w, kuda-kuda digunakan untuk peperangan dan tunggangan yang tidak menjadi tanda kekayaan seseorang. Namun, peralihan zaman menjadikan kuda di zaman Umar satu sumber komersial dan asas kekayaan. Justeru Umar mengarahkan zakat diambil darinya (Qutb Ibrahim Muhammad, 1984: 36).

Kenyataan-kenyataan di atas menyimpulkan bahawa asas kewajipan zakat ialah kekayaan yang terkandung dalamnya hak-hak buat golongan fakir dan miskin. Asas ini menjadi *illah (sebab)* dalam kewajipan berzakat.

Penggunaan Instrumen Qiyas Kerana Persamaan 'Illah

Kekayaan ialah *'illah*. *illah* kewajiban dalam berzakat (Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad, t.t.: 71). Penggunaan *'illah* ini melebarkan skop kewajiban zakat ke atas hasil-hasil lain yang tidak dinaskan selama mana ianya mendatangkan kekayaan. Ulama usul menyatakan (al-Zuhayli, 1989): "*Kewujudan dan ketiadaan hukum sentiasa mengikut kewujudan dan ketiadaan 'illah.*"

Menilai realiti pertanian, kekayaan sudah tidak terhad kepada tanaman asasi yang mengenyangkan sahaja, bahkan ianya turut diperolehi oleh pengusaha tanaman lain, bahkan ada kalanya terdapat juga mereka yang mendapat pendapatan yang lebih lumayan. Justeru, pengkhususan zakat bagi padi sahaja adalah tidak wajar lagi, malah ianya bercanggah dengan kaedah perhukuman Islam.

Wujudnya Pertikaian Kesahihan Dan Keanjalan Pentafsiran Terhadap Nas-Nas Hadis Yang Mengkhususkan Tanaman Yang Dizakatkan

Hadis-hadis yang mengkhususkan zakat wajib atas tanaman tertentu dipertikaikan kesahihannya oleh ulama hadis.

Antaranya hadis Ibn Majah yang menyebut kewajiban zakat hanya atas lima jenis tanaman diklasifikasikan sebagai hadis *daif jiddan* (*terlalu daif*) (Nasir al-Din al-Albani, 1997: 142). Begitu juga hadis pengecualian zakat atas sayur-sayuran juga dianggap *daif* (al-Bassam, t.t.: 389/1). Kedudukan hadis-hadis ini menjadikannya tidak layak untuk *mentakhsiskan* nas umum al-Quran yang mewajibkan zakat ke atas semua tanaman yang bersumber dari bumi sebagaimana yang difirmankan Allah S.W.T., "*Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan).*" (al-'An'am: 141) Selain itu, hadis-hadis tersebut andainya diterima pakai, ianya masih terdedah kepada pentafsiran nas yang anjal. Ibn al-Malik menyatakan: "*Pengkhususan tanaman terhadap jenis-jenis tertentu adalah kerana ianya tanaman utama waktu itu.*" Tambah al-Tibi pula bahawa sebutan pengkhususan ini berasaskan *al-Taghlib*, iaitu hanya jenis tersebut yang diusahakan secara meluas pada masa itu ('Ali al-Qari, 2002: 1291/4).

Bertepatan Dengan Maqasid Al-Syariah

Antara objektif perhukuman dalam Islam ialah merealisasikan keadilan sejagat (al-Hadid: 25) dan pengagihan kekayaan secara saksama, tidak berlegar di kalangan golongan tertentu sahaja (al-Hasyr: 7). Dalam kes zakat pertanian kekayaan diperolehi dari pelbagai sumber pertanian. Oleh itu, zakat juga perlu diambil dari sumber-sumber tersebut. Al-Qaradawi (1997: 355/1) menjelaskan: "*Bukanlah satu yang bijaksana mewajibkan zakat ke atas penanam gandum tetapi membiarkan pula pekebun oren dan epal sedangkan sumber keduanya adalah bumi.*"

PELAKSANAAN ZAKAT KE ATAS TANAMAN KOMERSIAL

Kewajiban zakat pertanian adalah merangkumi seluruh jenis tanaman yang mendatangkan perolehan keuntungan kepada pengusahanya. Kenyataan telah dibuktikan oleh pengkaji dalam huraian yang lepas. Di sini, pengkaji pula cadangan prosedur pelaksanaan zakat mengikut realiti semasa hari ini di kalangan pengusaha-pengusaha tanaman komersial.

Penentuan Nisab

Fuqaha' berbeza pendapat dalam menentukan nisab bagi tanaman yang tidak dapat disukat seperti kapas, kelapa, kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya.

Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal berpendapat, nisabnya perlu diasaskan kepada timbangan iaitu 1600 kati atau 653 kg (Al-Qaradawi, 1997: 462-464/1). Ini bermakna, zakat pertanian wajib dikeluarkan apabila hasil tanaman mencapai jumlah tersebut.

Al-Kasani pula meriwayatkan pandangan al-Imam Muhammad yang berpendapat, ia perlu berasaskan lima kali ganda unit ukuran biasa yang terpakai pada bahan berkenaan (Al-Qaradawi, 1997: 462-464/1). Getah di Malaysia misalnya unit ukuran biasa yang digunakan ialah pikul, dengan ini bererti bahawa nisab zakat getah ialah lima pikul.

Manakala Imam Abu Yusuf pula berpandangan, nisab zakat hasil pertanian yang tidak boleh disukat dengan gantang adalah melalui nilai harga jual lima awsuq bijirin yang boleh disukat. Ini bererti, nisabnya di Malaysia ialah RM 1,102.64 berasaskan nisab bagi padi (Al-Qaradawi, 1997: 462-464/1).

Pengkaji lebih selesa untuk menerima pandangan Imam Abu Yusuf setelah membuat penilaian terhadap pandangan-pandangan di atas. Pandangan ini adalah paling sesuai dipraktikkan mengikut realiti di Malaysia. Ini adalah kerana nisab tanaman di Malaysia diasaskan atas nilai harga sebagaimana telah dijelaskan. Justeru, pandangan ini mampu menyeragamkan sistem nisab dan menjadikannya lebih konsisten dan menepati kehendak dan peranan nisab sebagai indikator kepada lebih harta.

Sekiranya diterima pandangan Imam Ahmad nescaya akan berlaku kecelaruan dalam penentuan nisab kerana peranannya sebagai indikator lebih harta tidak dapat berfungsi. Sebagai contoh nilai nisab bagi tanaman sayuran hanyalah sekitar RM 391.80 (RM 0.60 x 653 kg), sementara nisab bagi dokong ialah RM 1632.50 (RM 2.50 x 653 kg), manakala nisab bagi kelapa sawit pula ialah tidak sampai RM 200 (berasaskan RM 200 untuk satu tan metrik iaitu 1000 kg). Hal yang sama juga akan berlaku jika pandangan Imam Muhammad diterima kerana beliau membezakan penggunaan ukuran timbangan yang berlainan mengikut apa yang biasa dipakai dalam untuk ukuran timbangan sesuatu hasil pertanian.

Berlainan dengan pandangan Imam Abu Yusuf yang berpandangan bahawa semua hasil tanaman yang tidak boleh diukur dengan timbangan supaya mengambil nilai yang sama dengan hasil tanaman yang dikenakan zakat melalui timbangan iaitu RM1061.20. Ini bermakna, seorang pengusaha tanaman komersial yang memperolehi pendapatan bersih melebihi jumlah tersebut perlu mengeluarkan zakatnya sebanyak 10 atau 5 peratus bergantung kepada sumber air yang digunakannya.

Penentuan Kadar Zakat

Kaedah penentuan kadar zakat adalah diasaskan kepada sumber pengairan. Dalam kes tanaman komersial, pengairan hanya diperlukan pada awal mengusahakan ladang sahaja iaitu pada tahun-tahun permulaan. Apabila pokok sudah mencapai kematangan, sumber air tidak menjadi penting lagi (Sidek b. Wahab, 2003). Oleh itu pengkaji berpendapat kadar zakat yang perlu dipungut ialah 10 peratus.

Namun begitu, dalam kes tanaman sayur dan tanaman jangka pendek, sumber air adalah amat perlu dan ianya sentiasa digunakan sehingga hari menuai. Situasi semasa menunjukkan penanam-penanam sayur terpaksa mengangkut air dan sumbernya seperti sungai untuk menyiram tanaman (Mohd Sabri Hasan, 2003). Sesetengahnya pula membeli

alat pengepam air. Keadaan ini menyebabkan kadar zakat bagi pengusaha sayur perlu dikurangkan kepada lima peratus sahaja.

Pengiraan Zakat Selepas Menolak Kos Pengeluaran

Asas perbezaan pendapat ini antara lainnya berpunca daripada suruhan Allah dalam surah al-an'am ayat 141 yang lalu agar zakat ditunaikan segera pada hari tuaiannya. Namun begitu, apabila ayat ini diteliti, didapati bahawa firman tersebut menyuruh makan daripada hasil tuaiannya kemudian barulah diikuti dengan firman supaya mengeluarkan zakat selepas menuai. Al-Baidawi (t.t.: 324/1) semasa mentafsirkan ayat di atas menjelaskan:

“Terdapat dua arahan dalam ayat ini, arahan dalam potongan ayat pertama menandakan keizinan bagi pemilik tanaman untuk memakannya walaupun belum menunaikan tanggungjawab zakat. manakala dalam potongan kedua pula Allah mengarahkan supaya zakat ditunaikan.”

Justeru, adalah perlu segala kos yang melibatkan keperluan samada ke atas tanaman ataupun diri diambil kira sebagaimana keizinan yang diberi oleh Allah untuk memakan atau mengambil manfaat hasil tanaman sebelum ianya dizakatkan.

Fuqaha' berbeza pendapat dalam menentukan kedudukan kos pengeluaran hasil pertanian. Permasalahan ini dihuraikan dalam satu riwayat Jabir bin Zaid yang menyatakan bahawa Ibn Abbas dan Ibn Umar berpendapat bahawa zakat dikira setelah menolak hutang kos pengeluaran tanaman daripada pendapatan kasar petani. Sebaliknya al-Syafii, Malik dan Abu Hanifah berpendapat hutang kos pengeluaran itu tidak perlu ditolak daripada pendapatan kasar petani (Ibnu Qudamah al-Hambali, 1972: 265/4).

Berdasarkan pendapat Ibn Umar dan Ibn Abbas, sekiranya petani terpaksa berhutang untuk dijadikan modal bagi menjalankan perusahaan pertaniannya, dia perlu menolak hutang tersebut terlebih dahulu kemudian barulah dikira zakat daripada baki bersih itu. Berdasarkan pendapat ini, adalah lebih baik kos pengeluaran ditolak daripada pendapatan kasar dengan andaian bahawa petani itu tidak mempunyai aliran modal tunai sehinggalah dia menjual hasil tanamannya.

Walaupun al-Syafii, Malik dan Abu Hanifah berpendapat tidak perlu ditolak kos pengeluaran tetapi jika dilihat kepada konteks pertanian pada masa kini yang menggunakan kos yang tinggi dalam pertanian seperti penggunaan traktor, membeli benih yang bermutu, membeli baja, racun dan sebagainya, maka adalah lebih baik sekiranya ditolak kos pengeluaran daripada pendapatan kasar petani dengan tujuan untuk menjaga kebajikan ekonomi para petani itu sendiri.

Pengiraan Zakat Selepas Menolak Kos Sara Hidup

Syarat utama kewajipan zakat ialah dipungut daripada orang yang mempunyai lebihan kekayaan. Sekiranya kekayaan yang dimilikinya hanya sekadar cukup untuk memenuhi keperluan dirinya dan orang yang berada di bawah tanggungannya, maka adalah tidak wajar zakat dikutip daripada orang tersebut.

Secara logiknya pula, zakat tentulah tidak dikenakan kepada orang miskin kerana kutipan zakat itu akan diagihkan kepada golongan fakir dan miskin. Sekiranya zakat dipungut daripada golongan miskin untuk diagihkan kepada golongan miskin juga sudah tentu tiada sebarang makna zakat diperundangan. Oleh itu, Ibn Umar berpendapat bahawa

zakat hanya dikira setelah ditolak kos pengeluaran pertanian dan kos sara hidup (Ibnu Qudamah alHambali, 1972: 265/4). Pendapat ini sebenarnya disokong oleh hadis-hadis Rasulullah s.a.w. dan amalan para sahabat. Antara hadis yang menyokong ialah hadis Rasulullah s.a.w. yang bererti,

“Berilah terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu, bila lebih berikanlah kepada isterimu, bila masih lebih, berilah kepada keluarga terdekatmu bila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain.”(al-Nawawi, t.t.: 84/7)

Namun begitu, kos sara diri yang perlu ditolak ialah kos keperluan asasi seorang manusia mengikut standard keperluan semasa seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan juga keperluan-keperluan asas yang lain yang sesuai dengan keperluan semasa.

KAEDAH PENGIRAAN ZAKAT TANAMAN KOMERSIAL YANG DISYORKAN

Kaedah pengiraan zakat pertanian tidak berbeza dengan kaedah pengiraan zakat padi yang telah pengkaji jelaskan iaitu 10% daripada hasil pendapatan kasar ditolak dengan kos pengeluaran dan kos sara hidup.

Namun begitu, dalam menilai jumlah kos pengeluaran dan kos sara hidup ianya berbeza, antara jenis tanaman yang diusahakan samada jangka pendek seperti sayur-sayuran dan kontan atau bermusim seperti dokong dan belimbing besi atau tanaman industri seperti kelapa sawit dan getah.

Perbezaan ini wujud kerana pulangan modal mengusahakan ladang sayur-sayuran dan kontan seperti keledak akan diperolehi dalam tempoh yang singkat iaitu antara satu hingga empat bulan. Manakala bagi tanaman buah-buahan dan industri pula pulangan modal akan diperolehi pada tahun kelima hingga kesepuluh (Jabatan Pertanian Kelantan, 2003). Justeru, hasil pendapatan bagi beberapa tahun pertama pengusaha buah-buahan walaupun lumayan masih belum wajib dizakatkan kerana menampung kos penyediaan ladang dan penyelenggaraannya. Ini berbeza dengan tanaman sayur-sayuran dan kontan yang mana zakat perlu dikeluarkan ketika menerima hasil setelah ditolak kos pengeluarannya dan kos sara hidup untuk tempoh mengusahakannya. Begitu juga dengan pendapatan tanaman buah-buahan hanya stabil setelah mencapai tahap kematangannya tanpa perlu petani mengeluarkan modal yang banyak pada tahun tersebut. Penyelenggaraan yang perlu hanyalah upah mengutip dan menebas semak-samun, dan hasil jualan selebihnya adalah keuntungan bersih pengusaha untuk musim tersebut (Sidek bin Wahab, 2003).

Di bawah ini pengkaji kemukakan secara detail cadangan pengiraan dengan beberapa contoh praktikal yang boleh diaplikasikan kepada tanaman-tanaman komersial.

Pengiraan Zakat Sayur-Sayuran

Contoh: Tanaman kangkung untuk sehektar

5% daripada hasil jualan sayur - kos pengeluaran - kos sara hidup (sebulan)

5% daripada RM 7200.00 - kos pengeluaran - kos sara hidup sebulan

5% x 7200- 2354.33 - RM 1266.00

5% x 3579.67 (melebihi nisab RM 1021.60)

RM 175.98

Pengiraan Zakat Tanaman Kontan

Contoh tanaman ubi kayu dengan keluasan sehektar

10% daripada pendapatan kasar - kos pengeluaran - kos sara hidup

10% x RM 9000.00 - RM 1680.00 - RM 5064.00

10% x RM 2256.00

RM 225.60

Pengiraan Zakat Buah-Buahan

Contoh tanaman buah-buahan iaitu Dokong pada tahun ke-12 hingga ke-25 untuk sehektar.

10% daripada Pendapatan Bersih - Kos sara hidup pada satu-satu musim

10% daripada RM 31,226.00 - RM 2,532.00

10% daripada RM 28,694.00 (melebihi nisab RM 1021.60)

RM 2 869.40

Pengiraan Zakat Tanaman Industri

Contoh peneroka Felda yang mengusahakan 5.6 hektar ladang sawit dengan perolehan sebanyak 18 tan sebulan untuk kelapa sawit berusia 8-11 tahun.

10% daripada Pendapatan Kasar - Kos Pengeluaran - Kos Sara Hidup

10% x RM 3960.00 - RM 1200.00 - 1266.00 10% x RM 1494.00

RM 149.40

PENUTUP

Perubahan kegiatan pertanian menuntut pembaharuan dalam bidang perhukuman Islam yang membolehkan ianya berfungsi untuk mendatangkan kemaslahatan. Hasil dapatan menunjukkan perlunya kesimpulan hukum ini dipraktikkan dan pengkaji telah mengemukakan kaedah pengiraan zakat pertanian yang paling wajar. Kaedah pengiraan ini tidak membebankan para petani miskin dan dalam masa yang sama membebaskan petani terlibat dengan hak-hak fakir miskin yang perlu dijelaskannya. Kaedah ini anjal dan fleksibel bergantung kepada keupayaan dan kedudukan para petani dari aspek ekonomi dan keperluan hidup mereka.

BIBLIOGRAFI

Abd Rahman ibn Muhammad Husin (1952). *Bughyat al-Mustarsyidin*. Mesir: Maktabah Muhammad alNahdi.

Abdullah Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1996). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.

Abdullah ibn Ahmad Ibn Mahmood al-Nasafi (t.t.). *Tafsir al-Nasafi*. Mesir: Mustafa Isa al-Halabi. Al-Baidawi (t.t.) *Tafsir al-Baidawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Umiyyah. Al-Bassani (t.t.). *Taysir al-'Allam Syarh Umdat al-Ahkam*. Damsyiq: Maktabah al-Faiha'.

Al-Bukhari (1388H). *Sahih al-Bukhari*. Mesri: Lajnah lhya' Kutub al-Turath.

Al-'Aini (t.t.). *Umdat al-Qari Syarh Sahib al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikri.

'Ali al-Qari (2002). *Mirqat al-Mafatih Syarh Misyykat al-Masabib*. Beirut, Dar al-Fikr.

Al-Kandahlawi (1999). *Awjaz al-Masalik ila Muawatta' Malik*. Dar al-kutub al-Umiyyah.

Al-Nawawi (1997). *Sahib Muslim Bi Syarh al-Imam al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Marifah.

Al-Nawawi (t.t.). *Sahih Muslim Bi Syarh al-Imam ai-Nawawi*: Beirut, Dar al-Makrifah.
Al-Qaradawi (1997). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
Al-Sa'ati, Ahmad Abd Rahman al-Banna (1356H). *Al-Fath al-Rabbani li Tartib Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal al-Syaybani ma'a Syarh Bulugh al-Amani Min Asrar al-Fath al-Rabbani*. Mesir: Matba'ah al-Fath al-Rabbani.
Al-Zarqani (2002). *Syarh al-Zarqani ala Muwatta' al-Imam Malik*. Beirut: Dar al-Fikri.
Al-Zuhaili, Wahbah (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
Al-Zuhayli, Wahbah, (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
Ibn Qudamah al-Hambali (1972). *Al-Mugni*. Mesir: Maktabah al-Qabirah.
Jabatan Pertanian Kelantan 2003. Majlis Agama Islam Perlis (2002). *Panduan Mengeluar Zakat*. Mohd Sabri Hasan (2003). *Tinjauan dan temuramah pengkaji dengan penduduk di Kg Sakar Sungai, Tendong, Projek Perladangan Berkelompok.dengan En Mohd Sabri Hum salah seorang peserta*.
Nasir al-Din al-Albani, (1997), *Da'if Ibn Majah*. Riyadh, Maktabah al-Ma'arif.
Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (t.t.). *Fiqh Malaysia Ke Arab Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: APIUM.
Panduan Zakat (2002). Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman.
Qutb Ibrahim Muhammad (1984). *Al-Siyasah al-Maliyyah Li Umar al-Khattab*. Mesir: al-Hai'ah Misriyyah al-'Ammah Li al-Kitab.
Sidek bin Wahab (2003). *Temuramah dengan Penolong Pegawai Pertanian Kelantan*. Sidek bin Wahab, (2003). *Penolong Pegawai Pertanian Kelantan*.
Wahbah al-Zuhayli(1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Mohd Rifqi b. Myibbin

Sek. Men. Keb. Taman Universiti
Taman Universiti, 81300 Skudai,
Johor
Hand Phone: 012-9216651

Kamarul Azmi b. Jasmi

Pensyarah di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS),
UTM sejak 4.1.2000.
Hand phone: 019-7477936
Tel Pej.: 07-5535049
E-Mail: kamarulazmi@hotmail.com, qamar@utm.my